

## LATIHAN KESALAHAN BAHASA TINGKATAN 2

**Kenal pasti kesalahan penggunaan hukum DM dalam ayat dan tuliskan pembetulannya.**

1. Ibu menyuruh kakak membeli sebotol tomato sos di kedai runcit.
2. Lain-lain masalah yang tidak dapat diselesaikan akan dibincangkan dalam mesyuarat yang akan datang.
3. Makanan di Camelia Restoran memang enak kerana tukang masakny didatangkan khas dari luar negara.
4. Ibu memasukkan perasa serbuk ayam itu ke dalam gulai agar masakannya bertambah enak.
5. Kudin ditahan oleh tentera polis kerana meninggalkan tugasnya sebagai tentera.
6. Bapa saudaranya bekerja sebagai doktor pakar di Universiti Hospital sejak setahun yang lalu.
7. Mereka akan mengemukakan agenda lain-lain pada mesyuarat yang akan datang disebabkan pertemuan yang diadakan gagal mencapai kata putus.
8. Warung goreng pisang itu dimiliki oleh Pak Samad sekeluarga.
9. Semasa tinggal di asrama, kami sering dihidangi roti bakar dan rebus telur.
10. Alat penghawa dingin di rumahnya telah rosak walaupun baru dibeli pada minggu lepas.

No Soalan	Kesalahan	Pembetulan
1		
2		
3		
4		
5		
6		
7		
8		
9		
10		